

17/06/1998

Perwakilan bincang isu ekonomi

KUALA LUMPUR, Selasa - Perhimpunan Agung Umno yang bermula Khamis ini dijangka menumpukan kepada perbincangan mengenai permasalahan ekonomi yang dihadapi negara sekarang serta usaha memulihkannya, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Timbalan Presiden Umno berkata, ini berdasarkan jangkaan bahawa Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menumpukan isu berkenaan dalam ucapan dasarnya.

"Saya jangka presiden akan tekankan masalah ekonomi dan usaha ke arah pemulihan ekonomi negara. Saya juga berpendapat perwakilan akan meneliti perkara yang sama dan membahaskan isu ekonomi," katanya kepada pemberita selepas melawat Syarikat Takaful Malaysia Bhd di sini, hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, perhimpunan itu adalah persidangan biasa yang akan menjadi forum untuk membincangkan isu utama yang terkandung dalam ucapan presiden.

Sementara itu, Dr Mahathir akan menyampaikan amanatnya mengenai perhimpunan agung Umno kepada pemimpin parti itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini esok.

Pemimpin itu terdiri daripada ahli Majlis Tertinggi, barisan exco pergerakan Pemuda dan Wanita serta ketua, timbalan ketua, naib ketua, bendahari serta ketua penerangan bahagian.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik berkata, Ketua Pemuda dan Ketua Wanita bahagian juga akan menyertai majlis itu.

Majlis taklimat oleh Dr Mahathir selaku Presiden Umno adalah acara biasa sebelum bermula perhimpunan agung.

Dr Mahathir akan merasmikan perhimpunan agung itu, yang akan dihadiri oleh 1,907 perwakilan pada pagi Jumaat ini. Perwakilan itu terdiri daripada seorang pengerusi tetap, seorang timbalan pengerusi tetap, 42 anggota majlis tertinggi, 30 anggota perwakilan Pemuda, 30 anggota perwakilan wanita dan 1,803 anggota perwakilan bahagian.

Pemuda dan Wanita akan mengadakan perhimpunan agung pada hari Khamis yang akan dirasmikan serentak oleh Anwar.

Perhimpunan agung kali ini akan membahaskan dua usul iaitu Ucapan Dasar Presiden dan Ekonomi. Usul pertama akan dibentangkan oleh wakil Kuala Nerus, Terengganu dan disokong oleh wakil Sungai Benut, Johor.

Usul Ekonomi pula akan dibentang oleh wakil Wangsa Maju, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan disokong oleh wakil Kinabalu, Sabah.

(END)